

02/02/2002

Tempoh dua bulan habiskan peruntukan pakej rangsangan

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi tempoh sebulan dua ini untuk menghabiskan sepenuhnya semua peruntukan pakej rangsangan fiskal berjumlah RM7.3 bilion bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan berkata, beliau masih belum puas hati kerana 30 hingga 40 peratus daripada peruntukan itu belum dibelanjakan.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran sambutan ulang tahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perasmian Souq (bazar) di Dataran Putra di sini hari ini, beliau berkata, setakat ini di antara 60 hingga 70 peratus saja dibelanjakan.

Kerajaan mengumumkan pemberian pakej ransangan ekonomi RM4.3 bilion pada September lalu sebagai tambahan kepada RM3 bilion yang diperuntukan Mac tahun yang sama.

Perbelanjaan itu sepatutnya dihabiskan pada 31 Disember lalu, tetapi terpaksa dibawa ke tahun ini.

Dr Mahathir sebelum ini mengakui kelemahan jentera pentadbiran kerajaan, iaitu masalah kerenah birokrasi dikenal pasti antara punca utama yang menghalang kelicinan membelanjakan peruntukan itu.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan pencapaian perbelanjaan di antara 60 hingga 70 peratus itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak pernah berpuas hati.

"Saya tidak pernah puas hati...saya dah kata dah tetapi bolehlah juga (pencapaian itu)," katanya.

Baru-baru ini, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, berkata jumlah peruntukan pakej rangsangan fiskal RM7.3 bilion yang dibelanjakan sepanjang tahun lalu akan diketahui tidak lama lagi apabila proses bayarannya diselesaikan sepenuhnya, semalam.

Mustapa berkata, pihaknya masih mengemas kini data dan mengumpul maklumat perbelanjaan setiap jabatan dengan mengedarkan borang tuntutan bayaran.

Langkah itu bertujuan membolehkan MTEN melakukan analisis terperinci membabitkan jumlah sebenar yang dibelanjakan.

(END)